



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 728

**AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011**

Tarikh Perkenan Diraja 5 Ogos 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 18 Ogos 2011

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 728

AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN Pemeriksaan Malaysia 2011

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA

4. Pelantikan Ketua Pengarah dan pegawai lain
5. Pelantikan pegawai penguat kuasa
6. Pelantikan pegawai awam untuk menjadi pegawai penguat kuasa
7. Pegawai penguat kuasa hendaklah menjalankan kuasa Ketua Pengarah

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA

8. Fungsi Ketua Pengarah
9. Kuasa Ketua Pengarah

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENYELARASAN BAGI KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN

10. Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan

BAHAGIAN V

PERMIT, LESEN DAN PERAKUAN

Seksyen

11. Keperluan bagi permit, lesen dan perakuan
12. Permohonan bagi permit, lesen dan perakuan
13. Permit, lesen dan perakuan palsu
14. Tumbuhan, binatang, karkas, dsb. dengan perosak, penyakit atau bahan cemar
15. Syarat import dan eksport

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

16. Kuasa yang hendaklah dijalankan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin
17. Kuasa penyiasatan
18. Kuasa penangkapan
19. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
20. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
21. Waran boleh diterima walaupun cacat
22. Kuasa untuk mengelak premis dan pengangkut
23. Akses kepada data berkomputer
24. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
25. Senarai tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita
26. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
27. Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan
28. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
29. Pelucuthakan tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita
30. Pelepasan tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita
31. Kos memegang tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita
32. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
33. Kuasa untuk mengambil sampel
34. Pemeriksaan atau pengujian tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita
35. Kuasa tambahan
36. Menghalang pegawai penguat kuasa

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Seksyen

37. Perbelanjaan
38. Wang yang dipungut atau diterima di bawah Akta ini
39. Khidmat pakar
40. Pakaian seragam
41. Pejabat dan kemudahan
42. Kuasa untuk meminda Jadual
43. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
44. Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat
45. Penalti am
46. Pengkompaunan kesalahan
47. Permulaan pendakwaan
48. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
49. Peraturan-peraturan
50. Peruntukan kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 728

AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan Malaysia bagi maksud mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih dan mikroorganisma dan termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berhubungan dengan makanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di negeri dan Wilayah Persekutuan yang berlainan di Malaysia.

Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan

2. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan undang-undang bertulis yang berkaitan, kecuali Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi atau jabatan yang berkaitan” ertinya agensi atau jabatan yang bertanggungjawab bagi penguatkuasaan undang-undang bertulis yang berkaitan;

“alat” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Makanan 1983;

“bahan cemar” ertinya apa-apa bahan asing, luar, toksik, beracun atau berbahaya yang terkandung atau wujud dalam atau pada mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan dan keluaran pertanian termasuklah besi, mikroorganisma dan toksinnya, sisa dadah, sisa racun perosak, sisa radioaktif atau apa-apa sisa kimia yang dilarang atau dibenarkan pada tahap sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang bertulis yang berkaitan;

“binatang” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953 [*Akta 647*] dan termasuk burung;

“bungkusan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Makanan 1983;

“burung” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953;

“eksport” ertinya membawa atau menyebabkan supaya dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

“ikan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*];

“import” ertinya membawa atau menyebabkan supaya dibawa ke dalam Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

“Jabatan” ertinya Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia;

“Jawatankuasa Penyelarasan” ertinya Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 10;

“karkas” ertinya bangkai binatang atau ikan, dan termasuk daging, tulang (sama ada keseluruhannya, terpotong atau hancur), bahagian dalam, belulang, kulit, bulu, pelepah, kuku, tanduk, atau bahagian lain bangkai binatang atau ikan, terpisah atau selainnya;

“keluaran pertanian” ertinya apa-apa hasil daripada tumbuhan, binatang, karkas atau ikan, sama ada diproses atau selainnya;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“kuarantin” ertinya pengurungan rasmi apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma bagi pemerhatian, penyelidikan, pemeriksaan lanjut, pengujian atau rawatan;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(4);

“makanan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Makanan 1983, dan termasuk alat dan bungkusan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian dan industri asas tani;

“mikroorganisma” ertinya apa-apa mikroorganisma selain tumbuhan dan binatang dan termasuk kulat, bakteria dan virus;

“pegawai penguat kuasa” ertinya seseorang pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah seksyen 5 atau 6, dan termasuk Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah;

“pemeriksaan” ertinya pemeriksaan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

“pengangkut” ertinya apa-apa pesawat udara, kenderaan, vesel atau apa-apa kaedah pengangkutan yang lain sama ada melalui darat, laut atau udara;

“perakuan” ertinya perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(4) kecuali perakuan kesihatan dan perakuan fitosanitari;

“permit” ertinya permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(4);

“pintu masuk” ertinya mana-mana pintu masuk atau pintu keluar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“premis” termasuk apa-apa pondok, bangsal, struktur, pelantar, rumah, bangunan, loji, gudang berlesen, kontena dan tanah, sama ada tertutup atau dibina di atasnya;

“premis kuarantin” ertinya mana-mana premis yang diisytiharkan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 9(g);

“stesen kuarantin” ertinya premis, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, untuk mengkuarantin apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma;

“tanah” termasuk tanah, bumi atau bahan organik dan mineral lain yang berlaku secara semula jadi atau diproses;

“tatacara kuarantin” ertinya pengujian, perawatan atau pelupusan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, atau mikroorganisma, atau pelakuan apa-apa perbuatan lain yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

“tumbuhan” ertinya apa-apa spesis tumbuhan atau mana-mana bahagian daripadanya sama ada hidup atau mati dan termasuk batang, dahan, ubi, bebawang, umbisi, pokok penanti, kayu mata-tunas, keratan, tut, keratan tunas, pelekap, akar, daun, bunga, buah, biji atau mana-mana bahagian lain atau keluaran tumbuhan sama ada terputus atau tercantum;

“undang-undang bertulis yang berkaitan” ertinya undang-undang bertulis sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

BAHAGIAN II

PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA

Pelantikan Ketua Pengarah dan pegawai lain

4. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan dan Timbalan Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan dan pegawai lain daripada kalangan pegawai awam sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Pelantikan di bawah subseksyen (1) adalah bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(3) Tempoh pelantikan Ketua Pengarah tidak boleh melewati tarikh persaraan wajibnya daripada perkhidmatan awam, tetapi jika dia mencapai umur persaraan wajib itu dia boleh dilantik semula sebagai Ketua Pengarah oleh Menteri secara kontrak bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(4) Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen (1), dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Menteri dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pelantikan itu di bawah Akta ini.

(5) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi arahan, kawalan dan pengawasan semua perkara yang berhubungan dengan Akta ini.

Pelantikan pegawai penguat kuasa

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), Ketua Pengarah hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai Jabatan untuk menjadi pegawai penguat kuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi melaksanakan Akta ini dengan sepatutnya, yang pangkatnya hendaklah ditentukan oleh Ketua Pengarah melalui perintah, bagi maksud menjalankan kuasa di bawah seksyen 9 dan Bahagian VI.

(2) Pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada arahan, kawalan dan pengawasan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai penguat kuasa yang lain yang lebih tinggi pangkatnya daripada pegawai penguat kuasa itu, dan pegawai penguat kuasa itu hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya, dan menunaikan kewajibannya dengan mematuhi apa-apa arahan sebagaimana yang dinyatakan secara lisan atau bertulis oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai penguat kuasa yang lain yang lebih tinggi pangkatnya daripadanya.

(3) Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1), dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pelantikan itu di bawah Akta ini.

(4) Bilamana pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (3).

(5) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan boleh melantik secara bertulis mana-mana pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) untuk menjalankan kuasa di bawah perenggan 9(b).

(6) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), pegawai penguat kuasa yang disebut dalam subseksyen (5) hendaklah mematuhi apa-apa dasar, arahan dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan.

Pelantikan pegawai awam untuk menjadi pegawai penguat kuasa

6. (1) Ketua Pengarah boleh melantik secara bertulis mana-mana pegawai awam yang bukan pegawai Jabatan untuk menjadi pegawai penguat kuasa bagi segala atau apa-apa maksud Akta ini sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan, dan pegawai awam yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta ini.

(2) Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1), dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pelantikan pegawai itu di bawah Akta ini.

(3) Bilamana pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (2).

Pegawai penguat kuasa hendaklah menjalankan kuasa Ketua Pengarah

7. Tertakluk kepada subseksyen 46(5), pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA

Fungsi Ketua Pengarah

8. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menguatkuasakan semua undang-undang bertulis yang berkaitan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin untuk memastikan bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma

dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan dan ikan dan keselamatan makanan;

- (b) untuk mengeluarkan permit, lesen dan perakuan bagi maksud import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma;
- (c) untuk memastikan bahawa semua tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia digredkan, dibungkuskan dan dilabelkan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan;
- (d) untuk menubuhkan dan menguruskan stesen kuarantin;
- (e) untuk menyertai pemeriksaan dan pemerakuan premis negara pengeksport bersama-sama dengan agensi atau jabatan yang berkaitan, jika perlu;
- (f) untuk menyertai agensi atau jabatan yang berkaitan di peringkat antarabangsa dalam perkara yang berhubungan dengan kuarantin dan import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan, jika perlu;
- (g) untuk memberikan maklum balas dan syor kepada agensi atau jabatan yang berkaitan tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan;
- (h) untuk memudahkan dan mengadakan khidmat nasihat tentang pematuhan syarat-syarat import dan eksport bagi tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan kepada pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan; dan
- (i) untuk melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang perlu bagi pelaksanaan Akta ini dengan berkesan.

(2) Fungsi di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan mengikut dasar, arahan dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh agensi atau jabatan yang berkaitan.

Kuasa Ketua Pengarah

9. Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk mengkuarantin dan memeriksa apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkutan atau apa-apa benda lain di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin bagi maksud untuk menentukan sama ada perosak, penyakit atau bahan cemar wujud dan untuk memastikan pematuhan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dengan syarat-syarat import dan eksport sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (b) untuk memeriksa makanan dan menguatkuasakan perkara yang berhubungan dengan makanan di pintu masuk mengikut Akta Makanan 1983;
- (c) untuk mengenakan dan memungut fi atau apa-apa caj lain yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Akta ini;
- (d) untuk menempatkan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma di bawah kawalan kuarantin di stesen kuarantin atau premis kuarantin bagi suatu tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (e) untuk mendaftarkan semua pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma;
- (f) untuk mengeluarkan permit, lesen dan perakuan bagi maksud import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma;
- (g) untuk mengisytiharkan mana-mana premis sebagai premis kuarantin bagi maksud kuarantin dan pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma;
- (h) untuk menjalankan tatacara kuarantin ke atas mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkutan atau apa-apa benda lain dalam tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

- (i) untuk menolak kemasukan di pintu masuk apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENYELARASAN BAGI KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN

Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan

10. (1) Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan ditubuhkan.

(2) Fungsi Jawatankuasa Penyelarasan adalah untuk menyelaraskan perkara teknikal, saintifik, tatacara dan perkara berkaitan yang lain untuk memudahkan pelaksanaan Akta ini.

(3) Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Penyelarasan hendaklah dilantik oleh Menteri.

(4) Anggota Jawatankuasa Penyelarasan hendaklah terdiri daripada wakil daripada agensi atau jabatan yang berkaitan dan agensi atau jabatan lain yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(5) Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Penyelarasan hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan mereka masing-masing dan layak untuk dilantik semula.

(6) Pelantikan pengerusi dan anggota Jawatankuasa Penyelarasan boleh dibatalkan oleh Menteri pada bila-bila masa.

(7) Jawatankuasa Penyelarasan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun pada masa dan di tempat sebagaimana yang dilantik oleh pengerusi.

(8) Jika pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan tidak hadir pada mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan, anggota yang hadir boleh melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(9) Jawatankuasa Penyelarasan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(10) Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Penyelarasan boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain berkaitan dengan kerja Jawatankuasa Penyelarasan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri, dengan kelulusan Menteri Kewangan.

BAHAGIAN V

PERMIT, LESEN DAN PERAKUAN

Keperluan bagi permit, lesen dan perakuan

11. (1) Tiada seorang pun boleh mengimport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Tiada seorang pun boleh mengeksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang terlibat dalam pengimportan dan pengeksportan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi permit, lesen dan perakuan

12. (1) Suatu permohonan bagi—

- (a) permit, lesen atau perakuan untuk mengimport; atau
- (b) permit atau lesen untuk mengeksport,

apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh, selepas menerima permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), menghendaki pemohon untuk memberikan maklumat, butiran atau dokumen tambahan dalam apa-apa tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika pemohon tidak memberikan maklumat, butiran atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), permohonan itu hendaklah dianggap telah ditarik balik tanpa menjejaskan pembuatan suatu permohonan baru mengikut subseksyen (1).

(4) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan boleh mengeluarkan—

(a) permit, lesen atau perakuan untuk mengimport; atau

(b) permit atau lesen untuk mengeksport,

apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma kepada pemohon jika pemohon telah memenuhi kehendak di bawah subseksyen (1) dan (2).

(5) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan apa-apa permit, lesen atau perakuan untuk mengimport dan apa-apa permit atau lesen untuk mengeksport mengikut dasar, arahan dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh agensi atau jabatan yang berkaitan.

Permit, lesen dan perakuan palsu

13. Mana-mana orang yang memberikan atau menyebabkan supaya diberikan kepada Ketua Pengarah secara lisan atau secara bertulis, apa-apa permit, lesen, perakuan, atau dokumen lain atau maklumat yang dikehendaki untuk diberikan di bawah Akta ini yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan atau pengeksportan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi tujuh puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Tumbuhan, binatang, karkas, dsb. dengan perosak, penyakit atau bahan cemar

14. Mana-mana orang yang mengimport melalui pintu masuk, stesen kuarantin atau premis kuarantin apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma—

- (a) dengan perosak, penyakit atau bahan cemar;
- (b) yang dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar; atau
- (c) yang diserang oleh perosak, penyakit atau bahan cemar,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Syarat import dan eksport

15. (1) Mana-mana orang yang terlibat dalam pengimportan atau pengeksportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma hendaklah mematuhi apa-apa syarat import sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan, atau syarat eksport sebagaimana yang dinyatakan dalam permit atau lesen.

(2) Mana-mana orang yang terlibat dalam pengimportan atau pengeksportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Kuasa yang hendaklah dijalankan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin

16. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen 5(5) untuk menjalankan kuasa di bawah perenggan 9(b) hendaklah menjalankan kuasa sedemikian di pintu masuk dan mengikut Akta Makanan 1983 sahaja.

Kuasa penyiasatan

17. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Kuasa penangkapan

18. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

19. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, atas maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin telah digunakan atau akan digunakan bagi, atau ada di dalam atau pada mana-mana premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin, keterangan yang perlu untuk membuktikan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa seseorang pegawai penguat kuasa yang kepadanya diarahkan, pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk memasuki mana-mana premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan menggeledah bagi, menyita dan menahan mana-mana buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain;
- (b) untuk memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain yang disita dan ditahan;
- (c) untuk mengambil milikan, dan memindahkan dari premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin, mana-mana buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain yang disita dan menahannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang perlu;
- (d) untuk menggeledah mana-mana orang yang berada di dalam, atau pada, premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin, dan bagi maksud menggeledah, menahan orang itu dan memindahkannya ke tempat yang perlu untuk membantu pengeledahan, dan menyita dan menahan apa-apa harta atau dokumen yang dijumpai pada orang itu; atau

(e) untuk memecah buka, memeriksa dan menggeledah mana-mana buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu berbuat demikian—

(a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam mana-mana premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan memasuki premis itu;

(b) memasuki dengan kekerasan mana-mana premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan tiap-tiap bahagiannya;

(c) memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakan; atau

(d) menahan mana-mana orang yang dijumpai di mana-mana premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin yang dikeledah di bawah subseksyen (1) sehingga penggeledahan itu selesai.

(3) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk memindahkan mana-mana buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, hasil pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain itu.

(4) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (3) atau memindahkan buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain itu yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu

kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

20. Jika seseorang pegawai penguat kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah subseksyen 19(1) penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai penguat kuasa itu boleh memasuki premis yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan menjalankan dalam, di dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 19 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Waran boleh diterima walaupun cacat

21. Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walaupun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu, dan apa-apa buku, rekod, dokumen, komputer, peralatan, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, permit, lesen, perakuan, atau benda lain yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Kuasa untuk mengelak premis dan pengangkut

22. Pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 19 dan 20, seseorang pegawai penguat kuasa boleh mengelak buat sementara waktu mana-mana premis dan pengangkut yang terletak di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Akses kepada data berkomputer

23. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer itu difahami.

Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut

24. (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa suatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa—

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa itu memeriksanya; dan
- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan penjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa.

Senarai tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita

25. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan senarai tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu jika penyitaan dibuat di bawah seksyen 24.

Pemeriksaan orang yang mengetahui kes

26. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan untuk menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang

membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas—

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan

27. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudiannya, jika mahkamah berpendapat patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa sesuatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu kawad cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seseorang pegawai penguat kuasa

semasa sesuatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes

28. (1) Pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai penguat kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

Pelucuthakan tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita

29. (1) Mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain, hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis.

(4) Notis yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah menunjukkan bahawa—

- (a) tiada pendakwaan berkenaan dengan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu;
- (b) tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu, hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis itu melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (5), (6) dan (7).

(5) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam miliknya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu.

(6) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Majistret.

(7) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(8) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (7) merupakan hal perkara bagi

atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, Majistret itu hendaklah memerintahkan supaya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(9) Mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

Pelepasan tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita

30. (1) Jika mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain telah disita di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu boleh, selepas merujuk kepada Ketua Pengarah, melepaskan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita di bawah Akta ini kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita.

(2) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai penguat kuasa yang membuat pelepasan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan satu salinan rekod itu kepada Ketua Pengarah dalam masa tujuh hari dari pelepasan itu.

Kos memegang tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita

31. Jika mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, makanan atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan pegawai penguat kuasa sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang disabitkan atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan bolehlah didapati dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

32. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita pada menjalankan atau yang berupa perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk mengambil sampel

33. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau memperoleh sampel mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain bagi maksud analisis, tanpa bayaran, daripada mana-mana orang yang mengimport atau mengeksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu.

(2) Tatacara bagi mengambil dan berurusan dengan sampel itu adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

Pemeriksaan atau pengujian tumbuhan, binatang, karkas, dsb., yang disita

34. Jika adalah perlu untuk memeriksa atau menguji mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, adalah mencukupi untuk memeriksa atau menguji sampel yang mewakili tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu atau, jika tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu dibungkus dalam tempat penyimpanan yang berlainan, kandungan setiap tempat penyimpanan itu.

Kuasa tambahan

35. Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana daripada yang berikut:

- (a) untuk menghendaki pengemukaan apa-apa buku, rekod atau dokumen yang disimpan oleh mana-mana orang dan untuk meneliti, memeriksa, dan untuk membuat salinan daripadanya;
- (b) untuk menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana kes atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) untuk membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

Menghalang pegawai penguat kuasa

36. Mana-mana orang yang—

- (a) mengamang, menghalang, menyekat atau mengganggu mana-mana pegawai penguat kuasa dalam pelaksanaan kuasanya di bawah Akta ini;
- (b) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain yang disita di bawah Akta ini; atau
- (c) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan menyebabkan kehilangan, atau merosakkan atau memusnahkan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu untuk menghalang penyitaannya atau penyimpanan selamat tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Perbelanjaan

37. (1) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemunya, pemberi konsain, penerima konsain atau pengimport akibat daripada syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai penguat kuasa dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini hendaklah ditanggung oleh pemunya, pemberi konsain, penerima konsain atau pengimport, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan yang berkenaan.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Ketua Pengarah atau pegawai penguat kuasa dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungjawabkan pada pemunya, pemberi konsain, penerima konsain atau pengimport, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, makanan atau benda lain yang berkenaan dan boleh didapatkan kembali sebagai hutang sivil.

(3) Tiada pampasan boleh dibayar kepada mana-mana orang berkenaan dengan pelupusan mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain di bawah subseksyen 29(9).

Wang yang dipungut atau diterima di bawah Akta ini

38. Jika wang dipungut atau diterima di bawah Akta ini bagi pihak agensi atau jabatan yang berkaitan, wang itu hendaklah diuruskan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan.

Khidmat pakar

39. Ketua Pengarah boleh memperoleh apa-apa khidmat pakar dalam bidang kepakaran yang berkaitan daripada agensi atau jabatan yang berkaitan atau khidmat pakar dari dalam atau luar Malaysia untuk memastikan pelaksanaan Akta ini dengan berkesan.

Pakaian seragam

40. Tiap-tiap pegawai penguat kuasa hendaklah memakai pakaian seragam yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah semasa menjalankan tugas melainkan jika dikecualikan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

Pejabat dan kemudahan

41. (1) Agensi atau jabatan yang berkaitan atau entiti swasta yang menguruskan premis di pintu masuk hendaklah menyediakan di pintu masuk itu pejabat dan kemudahan bagi pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, makanan atau benda lain dan untuk menjalankan tatacara kuarantin ke atas mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, atau benda lain.

(2) Segala kos dan perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan pejabat dan kemudahan yang disediakan di bawah subseksyen (1) hendaklah ditanggung oleh agensi atau jabatan yang berkaitan atau entiti swasta itu.

Kuasa untuk meminda Jadual

42. Menteri boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

43. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

(a) boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu, dia membuktikan—
- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat

44. Mana-mana orang yang boleh dikenakan mana-mana penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya melainkan jika dia membuktikan—

- (a) bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu.

Penalti am

45. Tiap-tiap orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan khusus, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

46. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, membuat tawaran bertulis untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

(5) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili fungsi dan tugasnya di bawah seksyen ini kepada mana-mana pegawai penguat kuasa tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, tetapi perwakilan di bawah subseksyen ini tidak menghalang Ketua Pengarah daripada melaksanakan atau menjalankan fungsi dan tugas yang telah diwakilkan.

Permulaan pendakwaan

47. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

48. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) mana-mana pegawai atau pegawai penguat kuasa; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Ketua Pengarah, pegawai penguat kuasa atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh Ketua Pengarah,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Peraturan-peraturan

49. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan, tidak termasuk bagi perkara yang berhubungan dengan makanan, yang perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan sepenuhnya atau bagi menjalankan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan kuarantin dan pemeriksaan;
- (b) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan tatacara kuarantin;
- (c) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan permit, lesen dan perakuan;
- (d) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran pengimport, pengeksport dan ejen;
- (e) untuk mengisytiharkan mana-mana premis sebagai stesen kuarantin atau premis kuarantin;

- (f) untuk menetapkan tatacara bagi mengambil dan berurusan dengan sampel;
- (g) untuk menetapkan pakaian seragam pegawai penguat kuasa;
- (h) untuk menetapkan fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini; dan
- (i) untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun.

Peruntukan kecualian dan peralihan

50. (1) Apa-apa permohonan atau kes yang belum selesai yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan, penguatkuasaan atau import dan eksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini tidak terjejas oleh Akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(2) Walaupun Akta ini telah mula berkuat kuasa, sehingga suatu masa apabila undang-undang bertulis yang berkaitan, tidak termasuk Akta Makanan 1983, dipinda berbangkit daripada Akta ini dan pindaan itu mula berkuat kuasa, agensi atau jabatan yang berkaitan hendaklah meneruskan untuk menjalankan kuarantin, pemeriksaan, penguatkuasaan dan pemerakuan import dan eksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma.

(3) Apa-apa permohonan atau kes yang belum selesai di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan, penguatkuasaan dan import dan eksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang dibuat atau dimulakan semasa tempoh sebaik selepas permulaan kuat kuasa Akta ini dan sebaik sebelum undang-undang bertulis yang berkaitan dipinda berbangkit daripada Akta ini dan pindaan itu mula berkuat kuasa tidak terjejas oleh pindaan itu dan hendaklah diteruskan seolah-olah pindaan itu tidak dibuat kepada undang-undang bertulis yang berkaitan itu.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3]

PINTU MASUK

MELALUI AIR

SEMENANJUNG MALAYSIA

Kuala Perlis	<p>(a) jeti Kerajaan di perhentian jalan utama di tebing kiri Sungai Perlis dan pantai pasang surut sejauh 27.4 meter ke hulu dan 18.3 meter ke hilir;</p> <p>(b) Terminal Feri Dan Kargo Kuala Perlis yang terletak di Garisan lintang 6° 23' 57.41" Utara Garisan bujur 100° 07' 51.09" Timur;</p> <p>(c) Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Perlis yang terletak di Garisan lintang 6° 24' 0.87" Timur dan Garisan bujur 100° 7' 53.37" Timur.</p>
Kuah, Pulau Langkawi	Jeti Kerajaan
Tanjung Lembung, Pulau Langkawi	Dermaga Tanjung Lembung yang terletak di Garisan lintang 6° 17' 46.5675" Utara hingga 6° 17' 31.9646" Utara Garisan bujur 99° 47' 26.7936" Timur hingga 99° 47' 13.1856" Timur
Tanjung Malai, Pulau Langkawi	Dermaga dan jeti (termasuk jambatan masuk) di bawah bidang kuasa jabatan marin di Tanjung Malai, Pulau Langkawi di antara Garisan lintang 6° 15' 25.4905" Utara hingga 6° 15' 36.4138" Utara dan Garisan bujur 99° 43' 58.4052" Timur hingga 99° 44' 13.9953" Timur
Telok Ewa, Pulau Langkawi	Jeti Telok Ewa
Kuala Kedah	Jeti Kerajaan di perhentian jalan utama di tebing kiri Sungai Kedah dan pantai pasang surut sejauh 22.7 meter di sebelah kiri dan kanan sungai itu
Georgetown, Pulau Pinang	<p>(a) dermaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;</p> <p>(b) bahagian pantai pasang surut dari hujung sebelah selatan kawasan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ke arah selatan hingga ke pinggir sebelah utara Pengkalan Raja Tun Uda;</p>

- (c) Jeti Pengkalan Kedah yang terletak di Garisan lintang $05^{\circ} 25' 30''$ Utara Garisan bujur $100^{\circ} 20' 75''$ Timur;
- (d) ponton pendaratan yang diselenggara oleh Pulau Pinang Yacht Base.
- Batu Maung Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang terletak di Garisan lintang $50^{\circ} 17'$ Utara Garisan bujur $100^{\circ} 17'$ Timur
- Butterworth
- (a) tambangan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;
- (b) kelima-lima tempat tambatan kapal di dermaga Butterworth;
- (c) Pengkalan Kontena Butterworth Utara yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- Prai
- (a) bahagian tebing sebelah selatan Sungai Prai mulai dari Jeti Penumpang Kereta Api menghala ke barat hingga ke laut, termasuk pengkalan pendaratan dan dermaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan juga pantai pasang surut tebus guna dan berakhir pada jarak 237.8 meter ke arah selatan dari hujung sebelah selatan limbungan tongkang;
- (b) Terminal Kargo Pukal yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang terletak di Garisan lintang $5^{\circ} 22'$ Utara Garisan bujur $100^{\circ} 22'$ Timur.
- Lumut, Perak
- (a) Jeti Jabatan Kerja Raya Awam yang terletak di tebing kiri Sungai Dindings dan bidang tanah yang terkandung dalam sempadan yang berikut, Utara-Sungai Dindings Selatan-Jalan Kerajaan Timur. Titik di tebing kiri Sungai Dindings 73.1 meter jauhnya ke sebelah timur kunci air di simpang Garling dan Jalan Titi Panjang Barat-Jeti Jabatan Kerja Raya Awam (termasuk);

	(b) Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kampung Acheh yang terletak di tebing Sungai Setiawan termasuk semua bangunan yang terletak di dalam kawasan berpagar seluas 1 hektar;
	(c) Dermaga dan Jeti Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd., di tebing timur Sungai Dindings pada Garisan Lintang 4° 15' 34" Utara Garisan bujur 100° 39' 43" Timur dan sempadan di selatan pada Garisan lintang 4° 15' 11" Utara Garisan bujur 100° 39' 33" Timur.
Telok Muruh, Mukim Lumut	Jeti Marina Sanctuary Resort Sdn. Bhd. Teluk Muruh, Lumut, Perak pada Garisan lintang 04° 12' 05.0" Utara Garisan bujur 100° 36' 00.0" Timur
Telok Anson	Dermaga No. 2 Kereta Api Telok Anson/ Telok Intan
Hutan Melintang	(a) Jeti Ghadaf Marble Sdn. Bhd. dalam Hutan River yang terletak di sebelah negeri Perak Garisan bujur 100° 48' 45" Timur di sebelah timur Melintang yang terletak di tebing Bernam di antara Garisan Lintang 3° 51' 30" Utara di sebelah barat;
	(b) Jeti Ghadaf Marble Sdn. Bhd. dalam Hutan Melintang yang terletak di bahagian tebing Sungai Bernam di sebelah negeri Perak di antara Garisan lintang 3° 51' 30" Utara di sebelah barat dan Garisan bujur 100° 48' 33" Timur di sebelah timur.
Pulau Lekir 1	Jeti Lekir Bulk Terminal Sdn. Bhd. yang terletak di Garisan lintang 4° 08' 06" Utara 4° 08' 54" Utara 4° 09' 26.5" Utara 4° 10' 10.1" Utara Garisan bujur 100° 37' 42" Timur 100° 37' 13" Timur 100° 38' 23.1" Timur 100° 38' 29.3" Timur
Pelabuhan Klang	(a) Dermaga dan Jeti Lembaga Pelabuhan Klang di tebing timur Selat Klang di antara Sungai Tiga dan Sungai Puloh;

- (b) bahagian pantai pasang surut yang menganjur dari satu tempat 93.41 meter ke sebelah utara jeti penumpang Jalan Foreshore hingga ke kuala Sungai Aur dan dari situ sepanjang tebing Sungai Aur hingga dan termasuk jeti konkrit di stesen kuarantin lembu-kerbau dan termasuk jeti, dermaga dan ponton mulai dari pantai pasang surut dan tebing sungai dan dermaga tersebut;
- (c) Dermaga dan Jeti Lembaga Pelabuhan Klang di tebing barat Pulau Indah di antara Sungai Chandong Besar di utara sebelah barat sempadan pelabuhan di Garisan lintang $02^{\circ} 55' 48''$ Utara Garisan bujur $101^{\circ} 20' 24.5''$ Timur dan Sungai Lurus di selatan sebelah barat sempadan di Garisan lintang $02^{\circ} 54' 05''$ Utara Garisan bujur $101^{\circ} 17' 10''$ Timur;
- (d) Star Cruise Sdn. Bhd. yang menganjur 247.31 meter ke laut yang terletak di tebing barat pulau indah di utara Sungai Chandong Besar di Garisan lintang $02^{\circ} 59' 05.415''$ Utara $02^{\circ} 59' 06.003''$ Utara Garisan bujur $101^{\circ} 20' 15.723''$ Timur $101^{\circ} 20' 16.921''$ Timur;
- (e) Jeti Asa Niaga Sdn. Bhd. di Pelabuhan Klang yang terletak di tebing kiri Sungai Klang di antara Garisan lintang $03^{\circ} 00' 31.9294''$ Utara hingga $03^{\circ} 00' 26.1835''$ Utara Garisan bujur $101^{\circ} 23' 28.4299''$ Timur hingga $101^{\circ} 23' 26.4980''$ Timur.

Port Dickson

jetii kereta api

Mukim Jimah,
Port Dickson

Jeti Jimah Energy Ventures Sdn. Bhd., bagi loji jana kuasa 1400 MV berasaskan arang batu, menganjur sepanjang 1.3 kilometer ke arah laut, terletak di antara Garisan lintang $2^{\circ} 34' 41.72712''$ Utara hingga $2^{\circ} 34' 44.33909''$ Utara Garisan bujur $101^{\circ} 42' 51.19108''$ Timur hingga $101^{\circ} 43' 1.05072''$ Timur

Melaka

- (a) bahagian tebing Sungai Melaka mulai dari Jeti Feri menghala ke hulu hingga ke pagar dawai yang mengelilingi kawasan larangan Pelabuhan Melaka;

	(b) bahagian tebing kanan Sungai Melaka mulai dari Jeti Majlis Perbandaran Melaka Tengah, Melaka, memanjang ke hulu hingga terus ke tempat berhadapan dengan sudut sebelah hulu Gudang Kerajaan;
	(c) jeti Tanjung Bruas.
Sungai Udang, Melaka	Jeti dan Dermaga Sungai Udang Port Sdn. Bhd.
Sungai Rambai	Jeti Kerajaan sepanjang 115.457 meter di tebing Sungai Kesang yang terletak di antara T60903.0 dari S66630.5 di utara dan T60952.8 dan S666526.0 di selatan
Kuala Linggi, Melaka	Jeti Kerajaan sepanjang 1048.614 meter di tebing Sungai Linggi, Daerah Alor Gajah, Melaka yang terletak di antara titik (1) U-36700.667, T-34479.870 dan titik (2) U-36760.354, T-3833.803 dalam kawasan yang berpagar seluas 8.8013 hektar yang meliputi tanah yang diduduki oleh Delta Management Sdn. Bhd., Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Havest Rimba Sdn. Bhd. dan Yayasan Alor Gajah yang terletak di Garisan lintang 2° 23' 21.9418" Utara Garisan bujur 101° 58' 27.5071" Timur dan Garisan lintang 2° 23' 33.4572" Utara Garisan bujur 101° 58' 59.4635" Timur
Muar	Dermaga Kerajaan di Bandar Maharani yang terletak di tebing kiri Sungai Muar di hadapan Pejabat Kastam
Batu Pahat	Dermaga Kerajaan di Bandar Penggarang, yang terletak di tebing kiri Sungai Batu Pahat, berhadapan dengan Pejabat Kastam dan Gudang Kastam
Minyak Beku, Batu Pahat	Jeti E.S. Ng. Building Products Sdn. Bhd., sebahagian daripada Lot PTD 3732 dan sebahagian daripada Lot 4747, Mukim Minyak Beku, Daerah Batu Pahat, Johor, yang terletak di Garisan lintang 01° 47' 44.50" Utara, 01° 47' 44.67" Utara 01° 47' 43.90" Utara dan 01° 47' 43.82" Utara Garisan bujur 114° 34' 38.76" Timur, 114° 34' 38.82" Timur, 114° 34' 31.43" Timur dan 114° 34' 41.39" Timur

Kukup	Dermaga Kerajaan
Johor Bahru	<p>(a) Dermaga Kerajaan di Johor Bahru di sebelah Sungai Segget;</p> <p>(b) dermaga di Tanjung Putri;</p> <p>(c) Jeti Terminal Antarabangsa Feri Johor Bahru di tebing Selat Tebrau, Lot PTB 20380, Mukim Bandar Johor Bahru kepunyaan Kelana Megah Sdn. Bhd. yang terletak di Garisan lintang $1^{\circ} 28' 21.7''$ Utara, $1^{\circ} 28' 20.8''$ Utara dan $1^{\circ} 28' 20.5''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 47' 99''$ Timur, $103^{\circ} 47' 13''$ Timur dan $103^{\circ} 47' 8.5''$ Timur.</p>
Pasir Gudang, Johor Bahru	<p>(a) bahagian kawasan berpagar pantai pasang surut, termasuk muara Sungai Buluh, semua jeti dan dermaga Lembaga Pelabuhan Johor, yang terletak di antara tebing barat Sungai Perembi bertempat di Garisan lintang $01^{\circ} 26' 28''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 53' 16''$ Timur, seterusnya kepada satu garisan yang bercantum kepada <i>dolphin</i> yang terbarat dari DCJ 4 bertempat di Garisan lintang $01^{\circ} 26' 27''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 53' 06''$ Timur dan akhirnya bercantum dengan garisan kawasan Had Perairan Pelabuhan Johor di Garisan lintang $01^{\circ} 26' 14''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 53' 06''$ Timur;</p> <p>(b) di sebelah timur, kawasan sepanjang Dermaga No. 11 yang terletak di Garisan lintang $01^{\circ} 26' 0.35''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 55' 23''$ Timur di sebelah bahagian utara, dan di sebelah bahagian selatan Dermaga No. 11 yang terletak di Garisan lintang $01^{\circ} 25' 52''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 55' 20''$ Timur, bersebelahan dengan tebing barat Sungai Latoh yang terletak di Garisan lintang $01^{\circ} 26' 12''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 55' 29''$ Timur.</p>
Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru	<p>Tebing kiri Sungai Pulau bermula dari Garisan lintang $01^{\circ} 22' 27.885''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 32' 37''$ Timur hingga Garisan lintang $01^{\circ} 21' 20.4208''$ Utara Garisan bujur $103^{\circ} 32' 56.7317''$ Timur</p>

Pengerang/Tanjung Pengelih	(a) pantai pasang surut sejauh 91.4 meter di sebelah kiri dan kanan Balai Kastam; (b) Dermaga di Tanjung Pengelih.
Sebana Cove Marina, Mukim Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Takzim.	Jeti Sebana Cove Marina di Sebana Golf and Marina Resort, Pengerang, Johor Darul Takzim dengan panjangnya 51.8 meter dan lebarnya 3 meter yang terletak di Garisan lintang 104° 24.90' Utara Garisan bujur 01° 90.89' Timur
Tanjung Langsung, Johor	Jeti Pelabuhan Tanjung Langsung Sdn. Bhd., merangkumi jarak sehingga 1188.335 meter menganjur ke arah laut yang terletak di tebing barat Sungai Johor di Garisan lintang 01° 26' 30.98" Utara Garisan bujur 104° 00' 41.82" Timur
Sungai Rengit	Tebing sungai sejauh 45.7 meter ke selatan dari jambatan bandar
Tanjung Surat, Kota Tinggi	Dermaga Kerajaan
Mersing	Dermaga Kerajaan
Tanjung Belungkor	Jeti Terminal Feri Tanjung Belungkor
Kuala Rompin	Tebing kanan Sungai Rompin sejauh 22.7 meter di sebelah kiri dan kanan batu bertanda "tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang" termasuk jeti Kerajaan
Tanjung Gemuk	Jeti Tanjung Gemuk yang terletak di tebing Sungai Endau, memanjang selari dengan tebing sejauh lebih kurang 284 meter
Kampung Tekek, Pulau Tioman	Jeti Jabatan Laut
Kuantan	(a) jeti Kerajaan (b) Dermaga Pahang Consolidated Co. Ltd.
Tanjung Gelang, Kuantan	Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuantan di dalam Basin Pertama (Basin A)
Kampung Lalang, Pulau Tioman	Jeti Berjaya Tioman Resort yang terletak di Garisan lintang 02° 48' 45" Utara Garisan bujur 104° 08' 31" Timur
Chukai, Kemaman	Jeti Kerajaan

Pelabuhan Kemaman	(a) Dermaga Lembaga Pelabuhan Kemaman yang terletak di atas tanah tebus guna di Lot PT 3180; (b) kawasan yang dikenali sebagai dermaga Barat yang terletak di Lot PT 3410, Mukim Teluk Kalong di dalam Daerah Kemaman yang dikendalikan oleh Ptb West Wharf Sdn. Bhd.
Bukit Bunga, Kelantan	Di tebing sebelah kanan Sungai Golok pada jarak 182 meter bermula dari sempadan sebelah timur bersetentangan dengan sebelah kanan jalan yang menuju ke lebuh raya Tanah Merah-Gerik (Bering 347° 00' 00" jarak 33 meter dari batu sempadan di utara Lot 2449) sehingga ke sempadan sebelah barat (selepas alor) (Bering 325° 00' 00" jarak 93 meter dari batu sempadan di sebelah barat Lot berkenaan) Pengkalan Jenut, Mukim Nibong, Daerah Jedok Jajahan Tanah Merah, negeri Kelantan yang ditandakan dengan garisan berwarna kelabu dalam pelan <i>Warta</i> (PW 696) yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan
Kuala Terengganu	(a) dermaga Kerajaan di tebing kanan Sungai Terengganu di hadapan Jalan Hiliran; (c) dermaga di tebing kanan Sungai Terengganu di hadapan Gudang Kastam.
Kuala Besut	Tebing kanan Sungai Besut sejauh 45.7 meter di sebelah kiri dan kanan Balai Kastam
Pengkalan Kubor	Jeti Jabatan Kerja Raya dan Jeti Imigresen di tebing kanan di antaranya
Kota Bharu	Dermaga Kastam, Jeti Kereta Api, Jeti Penambang Haji Idris dan tebing sungai di antaranya
SABAH	
Kota Kinabalu, Sabah	Dermaga Lembaga Pelabuhan Sabah

Ranca-Ranca, Labuan	Dermaga dan jeti Asian Supply Base, Ranca-Ranca, Labuan yang terletak di Garisan lintang 05° 15' 55" Utara Garisan bujur 115° 14' 56" Timur
Labuan	Dermaga Kerajaan dan dermaga kapal kecil
Sandakan	Dermaga dan jeti Lembaga Pelabuhan Sabah
Kudat	Dermaga Lembaga Pelabuhan Sabah
Lahad Datu	Dermaga Lembaga Pelabuhan Sabah
Menumbok	Dermaga Kerajaan termasuk lerengan pendaratan dan jeti feri penumpang di sebelahnya
Sipitang	Dermaga Kerajaan

SARAWAK

Bintangor	Lembaga Pelabuhan Rejang di Bintangor
Bintulu	Dermaga Lembaga Pelabuhan Bintulu di Tanjung Kedurong yang terletak di— <ul style="list-style-type: none"> (a) Dermaga No. 1 Garisan lintang 3° 15' 53.3785" Utara 3° 15' 53.3855" Utara Garisan bujur 113° 3' 57.5312" Timur 113° 3' 52.0233" Timur; (b) Dermaga No. 2 Garisan lintang 3° 15' 53.3714" Utara 3° 15' 53.3785" Utara Garisan bujur 113° 4' 3.0390" Timur 113° 3' 57.5312" Timur; (c) Dermaga No. 3 Garisan lintang 3° 15' 53.3641" Utara 3° 15' 53.3714" Utara Garisan bujur 113° 4' 8.6927" Timur 113° 4' 3.0390" Timur; (d) Dermaga No. 4 Garisan lintang 3° 15' 53.3545" Utara 3° 15' 53.3641" Utara Garisan bujur 113° 4' 16.1283" Timur 113° 4' 8.6927" Timur; (e) Dermaga No. 5 Garisan lintang 3° 15' 53.3449" Utara 3° 15' 53.3545" Utara Garisan bujur 113° 4' 23.5647" Timur 113° 4' 16.1283" Timur;

	(f) <i>Ro-Ro Ramp</i> Garisan lintang 3° 15' 52.7343" Utara 3° 15' 52.7354" Utara Garisan bujur 113° 3' 52.0225" Timur 113° 3' 51.1963" Timur;
	(g) Dermaga Kargo Pukal Garisan lintang 3° 15' 52.7354" Utara 3° 15' 43.9436" Utara Garisan bujur 113° 3' 51.1963" Timur 113° 3' 16.1851" Timur.
Kuala Lawas	Jeti R.C. dengan panjangnya 83.50 meter dan lebarnya 19.90 meter yang terletak di Garisan lintang 4° 57' 19" Utara dan Garisan bujur 115° 25' 16" Timur
Kuching, Sarawak	(a) Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuching di Tanah Puteh; (b) Dermaga Datuk Sim Kheng Hong di Pending.
Lawas	Dermaga Kastam
Limbang	Dermaga Kastam
Lundu	Dermaga Kerajaan
Marudi	Dermaga Kastam
Miri	Dermaga Lembaga Pelabuhan Miri
Pelabuhan Miri, Kuala Baram	Dermaga Lembaga Pelabuhan Miri di Kuala Baram yang terdiri daripada 6 dermaga dengan panjangnya 390 meter dan lebarnya 50 meter yang terletak di Garisan lintang 4° 34' 00" Utara dan Garisan bujur 114° 2' 36" Timur
Pelabuhan Senari, Kuching	Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuching di Kampung Senari dengan jarak memanjang 635 meter dan 45 meter lebar yang terletak di Garisan lintang 01° 37.01' 0" Utara Garisan bujur 110° 26.89' 0" Timur
Pelabuhan Tanjung Manis, Sarikei	Dermaga Lembaga Pelabuhan Rejang di Tanjung Manis yang panjangnya 202 meter dan 47 meter lebar yang terletak di Garisan lintang 2° 9' 23.5772" Utara Garisan bujur 111° 20' 16.2431" Timur
Punang	Dermaga Kastam
Sarikei	Dermaga Lembaga Pelabuhan Rejang di Sarikei

Sejingkat	Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuching, sepanjang 125 meter bertempat di tebing kiri Sungai Sarawak yang terletak di Garisan lintang 01° 35.05' 0" Utara Garisan bujur 110° 25.25' 0" Timur
Semantan	(a) dermaga Depoh Harwood di Semantan dengan panjangnya 1000 kaki dan 120 kaki lebar yang terletak di Garisan lintang 10° 45' 39" Utara Garisan bujur 109° 45' 18" Timur; (b) bahagian pantai pasang surut yang bersebelahan dengan Bazaar Semantan sejauh 45.7 meter.
Sibu	Dermaga Lembaga Pelabuhan Rejang di Sibu
Sundar	Dermaga Kastam

MELALUI JALAN ATAU KERETA API

SEMENANJUNG MALAYSIA

Bukit Kayu Hitam	(a) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam yang terletak di sepanjang jalan raya utama Sadao/Changlun di antara 8.9 kilometer ke utara Changlun dan 0.69 kilometer ke selatan Danork (Thailand) Tempat Pemeriksaan Imigresen atau Kastam di dalam Mukim Laka Temin, Kubang Pasu, Kedah; (b) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Pemeriksaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang terletak di sepanjang jalan raya utama Sadao/Changlun di antara 9.1 kilometer ke utara Changlun dan 0.67 kilometer ke selatan Danork (Thailand) Tempat Pemeriksaan Imigresen atau Kastam sebagaimana yang ditetapkan dalam pelan No. PT 890 dan PT 2180 di dalam Mukim Laka Temin, Kubang Pasu, Kedah.
------------------	---

Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap	Pejabat Kastam dan semua bangunan yang terletak di dalam Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan, Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap, Kedah, pada Garisan lintang 6° 28' 15.1332" Utara Garisan bujur 100° 42' 35.0808" Timur
Padang Besar	(a) Pejabat Kastam, Padang Besar yang terletak di dalam Bangunan Stesen Kereta Api; (b) Pejabat Kastam, Padang Besar di Yad Kontena yang terletak di Garisan lintang 6° 39' 45.45" Utara dan Garisan bujur 100° 19' 19.21" Timur; (c) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Padang Besar di sepanjang jalan raya utama dari Padang Besar ke Thailand dan terletak di Garisan lintang 6° 39' 58" Utara Garisan bujur 100° 19' 23" Timur; (d) Kompleks Pemeriksaan Ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan semua bangunan dan struktur tambahannya di sebelah timur Kompleks Pejabat Kerajaan Padang Besar di sepanjang jalan raya utama dari Padang Besar ke Thailand dan terletak di Garisan lintang 6° 39' 45.42" Utara Garisan bujur 100° 19' 37" Timur.
Wang Kelian	Pejabat Kastam dan semua bangunan tambahan yang terletak di sepanjang jalan utama ke Satun, Thailand, 6.5 meter dari pintu pagar utama sempadan Malaysia dan Thailand
Bukit Berapit, Pengkalan Hulu	Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Imigresen Bukit Berapit di sepanjang jalan raya utama Keroh/Betong di antara batu 136¼ dan batu 136½, dalam Mukim Keroh, Perak
Butterworth	Terminal feri yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

Johor Bahru

- (a) bagi import dengan motokar, bas, motosikal, skuter, basikal dan penumpang berjalan kaki, Get Pemeriksaan penumpang iaitu kawasan yang diuntukkan bagi Pemeriksaan Imigresen dan Kastam;
- (b) bagi import dengan lain-lain kereta lalu lintas, Ruang Import Kastam di Kompleks Kastam di Tanjung Putri yang terkepung dalam pagar dari selatan dengan get masuk berhampiran sekali dengan Pondok Kastam No. 1 dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar berhampiran sekali dengan Kastam No. 3 sebagai sempadan sebelah utara;
- (c) bagi eksport mengikut jalan dalam waktu kerja biasa, Ruang Eksport Kastam di Kompleks Kastam Tanjung Putri yang terkepung dalam pagar bermula dari utara dengan get masuk berhampiran sekali dengan Pondok Kastam No. 3 dan berakhir di get keluar di sebelah selatan berhampiran sekali dengan tempat pemeriksaan di Pintu Keluar Eksport Kastam di Pondok No. 2;
- (d) bagi eksport mengikut jalan di luar waktu kerja biasa, Ruang Eksport Kastam di Kompleks Kastam di Tanjung Putri sebagaimana yang dinyatakan dalam (c), atau atas arahan Pegawai Kastam Yang Hak;
- (e) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Bukit Chagar, Mukim Johor Bahru, Daerah Johor Bahru, Johor yang dilingkungi pagar sekelilingnya, bermula dari selatan di pintu masuk/keluar get berhadapan dengan Jalan Lingkaran Dalam.

Pasir Gudang (Zon Bebas)

- (a) bagi import ke dalam Zon-Kompleks Kastam di Pasir Gudang yang diperuntukkan bagi Pemeriksaan Import Pihak Berkuasa Zon dan Kastam termasuk laman kereta api dan jalan menghala ke dalam Zon;
- (b) bagi eksport ke dalam Zon-Kompleks Kastam di Pasir Gudang yang diperuntukkan bagi Pemeriksaan Eksport Pihak Berkuasa Zon dan Kastam termasuk laman kereta api dan jalan menghala keluar dari Zon.

Tanjung Kupang,
Johor Bahru

Kompleks Sultan Abu Bakar, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru yang dilingkungi oleh pagar kawasan, bermula dari selatan dengan pintu masuk/keluar yang terletak seiring dengan pagar kawasan yang paling hampir dengan Kawasan Menunggu Import dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar/masuk yang terletak seiring dengan pagar kawasan yang paling hampir dengan Kawasan Menunggu Eksport

Rantau Panjang

- (a) di Pusat Pemeriksaan Imigresen di Jambatan Keretapi yang merentangi Sungai Golok;
- (b) jalan kereta api di Rantau Panjang bermula dari hujung jambatan keretapi di sebelah Malaysia di tebing kanan Sungai Golok dan menganjur ke selatan lebih kurang 155.4 meter ke get lintasan rata termasuk platform stesen kereta api yang memanjang selari dengan jalan kereta api itu;
- (c) kawasan dalam Lot 251 di Pekan Rantau Panjang, Daerah Pasir Mas, Kelantan yang mengandungi pondok dan Kompleks Tempat Pemeriksaan Imigresen yang terkepung di sebelah utara dengan get dan pagar di hujung jambatan jalan di sebelah Malaysia yang menyambung kedua-dua get itu dan ke timur, kompleks bangunan dan garisan rekaan lurus bermula dari hujung bangunan kompleks itu

di sebelah utara hingga ia bertemu dengan get utara termasuk jalan yang menyambungkan kawasan tempat pemeriksaan ke platform stesen kereta api bersebelahan dengan Pejabat Kastam.

SABAH

Long Pa Sia	Pejabat Imigresen dan kawasannya lebih kurang 30.5 meter dari Jambatan Gantung di sebelah atas Sungai Pa Sia di mana itulah sahaja jalan dari Long Bawan, Indonesia atau Long Semadon, Sarawak
Pensiangan	Pejabat Imigresen dan kawasannya lebih kurang 32.2 kilometer lebih mengikut Sungai Pensiangan dari pos sempadan Bantul, yang dikawal oleh Pengakap sempadan

SARAWAK

Batu Lintang	Balai Kastam Batu Lintang
Bau	Stesen Kerajaan Bau
Biawak	Balai Kastam Biawak
Bunan Gega	Balai Kastam Bunan Gega
Lubok Antu	Balai Kastam Lubok Antu
Lundu	Stesen Kerajaan Lundu
Padawan	Balai Kastam Padawan
Sematan	Balai Kastam Sematan
Sirikin	Balai Kastam Sirikin
Sungai Tujuh	Balai Kastam Sungai Tujuh
Tebedu	(a) kawasan pemeriksaan import Pejabat Kastam yang terletak di sebelah barat Kompleks Imigresen, Tebedu; (b) kawasan pemeriksaan eksport Pejabat Kastam yang terletak di sebelah timur Kompleks Imigresen, Tebedu.
Tadungan	Pejabat Kastam Tadungan

MELALUI UDARA

SEMENANJUNG MALAYSIA

- Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star (Kedah)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas (Pulau Pinang)
- Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh (Perak)
- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor
- Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu (Terengganu)
- Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan (Pahang)
- Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka
- Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa (Kota Bharu)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Senai (Johor Bahru)
- Lapangan Terbang Tioman, Pulau Tioman (Pahang)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Langkawi (Kedah)
- Lapangan Terbang Pangkor, Pangkor (Perak)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang (Selangor)
- Lapangan Terbang Pulau Redang, Pulau Redang (Terengganu)

SABAH

- Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
- Lapangan Terbang Kudat
- Lapangan Terbang Labuan
- Lapangan Terbang Lahad Datu
- Lapangan Terbang Sandakan
- Lapangan Terbang Semporna
- Lapangan Terbang Tawau

SARAWAK

- Lapangan Terbang Bintulu
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
- Lapangan Terbang Lawas
- Lapangan Terbang Limbang
- Lapangan Terbang Marudi
- Lapangan Terbang Miri
- Lapangan Terbang Mulu
- Lapangan Terbang Sibu
- Lapangan Terbang Simanggang

Mukim Kapar,
Daerah Klang,
Selangor

Semua tanah yang terletak dalam Mukim Kapar, dalam Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 882 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor tidak termasuk kawasan yang dinyatakan seperti yang berikut:

- (a) tanah yang diduduki oleh Klang Port Management Sdn. Bhd., terdiri daripada *Export Stacking Bay* (6 blok: Ta-Tg), *Refers Stack* (2 blok: Ra-Rb), *Customs Examination Bay* (3 blok: 1-3), *Godown Q* (kawasan seluas 220' X 150'), *Godown P* (kawasan seluas 600' x 150'), *Open Yard P* (kawasan seluas 660' x 217'), *Transit Shed No. 13* (kawasan seluas 100' x 101'), *Transit Shed No. 16* (kawasan seluas 177' x 105'), *Transit Shed No. 18* (kawasan seluas 177' X 105') dan *Dock Area* (kawasan seluas 700' x 105');
- (b) tanah yang diduduki oleh Klang Container Terminal yang terdiri daripada *Export Stack* (Blok B1-Baris B11 hingga B30, Slot 01 hingga 14) (Blok B2-Baris B11 hingga B29, Slot 15-31) (Blok C1-Baris C01 hingga C34 dan C99 Slot 01-14) (Blok C2-Baris 01 hingga C35 slot 15-31) (Blok F-Baris F16 hingga F25 Slot 01-11 Baris F01 hingga F15 Slot 01 hingga 03) (Blok G-Baris 01 hingga G16 Slot 01 hingga 14) (*Refer*-Baris R01 hingga R52, Baris R59 hingga R87 Kawasan Pemeriksaan Kastam yang dilingkungi dengan garisan merah jambu yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 882 di atas) (Baris E01 hingga E42 Slot 01 hingga 06) *Fs Stacking Area* (Baris 01 hingga 06 slot 16 hingga 62) dan *Container Freight Station* (kawasan seluas 2.973 meter persegi); dan

Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	(c) tanah yang diduduki oleh Port Klang Distribution Park Sdn. Bhd., terdiri daripada Kawasan Menunggu Kastam (kawasan seluas 20,000 kaki persegi).
Dermaga Ayer Dalam, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai	Semua tanah yang terletak dalam Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 1174 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor
Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Semua tanah yang terletak di seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 573 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang, tidak termasuk kawasan tanah yang diduduki oleh Penang Port Sdn. Bhd. yang terdiri daripada— (a) Gudang W2; (b) Blok Eksport (Blok A-D: Slot No. 1-45) (Blok E-H: Slot No. 1-23); dan (c) Bay Pemeriksaan Kastam untuk kontena (di antara Blok D dengan landasan kereta api).
Pekan Bukit Kayu Hitam Dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu, Kedah	Semua tanah yang terletak dalam Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 495 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang
Pekan Bukit Kayu Hitam Dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu, Kedah	Semua tanah yang terletak dalam pekan Bukit Kayu Hitam Dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 1385 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kedah

Kawasan Bebas Cukai Stulang Laut, Johor Bharu	Semua tanah di dalam kawasan berpagar yang mengandungi Lot PTB 10707 dan PTB 20006 (tidak termasuk Pejabat Kastam dan Kawasan Pemeriksaan Kastam), Mukim Bandar, dalam Daerah Johor Bahru, Lot PTD 146378 dan PTD 148062, Mukim Plentong, dalam Daerah Johor Bahru, Jeti Lot PTB 20380 dan tanah di Lot 20438 (termasuk restoran terapung), Mukim Bandar, dalam Daerah Johor Bahru, Johor
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang	Semua tanah yang terletak dalam Kawasan Bandar Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Daerah Sepang yang dilingkungi dengan garisan kelabu seperti yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 1207 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor
Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor (Fasa 1)	Lot PTD 2423 Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 2749 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Johor
Pulau Layang-Layang	Semua kawasan dalam Pulau Layang-Layang terdiri daripada kawasan bagi 10.1km persegi terletak di Garisan lintang Utara 07° x 22.5' Garisan bujur Timur 113° x 48.8' dalam Laut China Selatan termasuk <i>Continental Platform</i> Malaysia
Mukim Rantau Panjang, Jajahan Pasir Mas, Kelantan	Semua tanah yang terletak di dalam Mukim Rantau Panjang, Jajahan Pasir Mas, Kelantan yang dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 705 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kelantan, tidak termasuk kawasan yang dinyatakan seperti yang berikut: (a) Pejabat Kastam dan Kawasan Pemeriksaan Kastam; dan (b) tanah yang diduduki oleh Pos Malaysia Berhad, Rantau Panjang.

Lot 1993 Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kompleks Gudang Ejen Penghantaran Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa yang terletak di sebahagian daripada Lot 1993 Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 730 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang
South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham, Daerah Klang, Selangor	South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham Daerah Klang, Selangor sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan tebal dalam Pelan <i>Warta</i> 1382 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor
Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor	Lot 67894 Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 1388 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor
MILS Logistik Hub (MLH), Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor	Lot 88077 seluas 13.359 hektar Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 1451 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor

JADUAL KEDUA

[Seksyen 3]

STESEN KUARANTIN

NEGERI	TEMPAT
Perlis	Stesen Kuarantin Padang Besar, 02100 Padang Besar, Perlis
Pulau Pinang	Stesen Kuarantin Batu Maung, Pulau Pinang
Selangor	(a) Stesen Kuarantin Sepang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Jalan Pekeliling 4, Zon Selatan, 64000 KLIA, Sepang, Selangor;

	(b) Stesen Kuarantin Pelabuhan Klang, Jalan Tangki Off Jalan Kem, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor;
	(c) Stesen Kuarantin Pulau Indah, Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor;
	(d) Stesen Kuarantin Lepas-Masuk, Serdang, Selangor.
Wilayah Persekutuan Labuan	Stesen Kuarantin Labuan, Jalan Patau-Patau, Peti Surat 82071, 87030 Wilayah Persekutuan Labuan
Kelantan	Stesen Kuarantin Rantau Panjang, 17200 Rantau Panjang, Kelantan
Pahang	Stesen Kuarantin Pelabuhan Kuantan, Kuantan, Pahang
Kedah	Stesen Kuarantin Bukit Kayu Hitam, Kedah
Johor	Stesen Kuarantin Gelang Patah, Johor

JADUAL KETIGA

[Seksyen 3]

UNDANG-UNDANG BERTULIS YANG BERKAITAN

1. Akta Binatang 1953 [*Akta 647*]
2. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [*Akta 167*]
3. Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*]
4. Akta Makanan 1983 [*Akta 281*]
5. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*]
6. Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*]